

Ujian Motivasi

Apakah Yang Anda Inginkan?

Apakah yang mendorong anda untuk menceburi sesuatu bidang? Adakah kerana minat ataupun motivasi daripada keluarga ataupun faktor sekeliling?

Sesetengah orang mempunyai kelulusan akademik yang tinggi dan kemahiran yang baik tetapi tidak berjaya dalam hidup. Ada juga orang yang tidak mempunyai kelulusan yang tinggi, tetapi mempunyai kemahiran dan kemahiran itu digunakan sehingga membawa kejayaan kepada mereka.

Kejayaan seseorang itu banyak ditentukan oleh motivasi. Motivasi dapat membakar semangat seseorang untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya. Motivasi terdapat dalam beberapa bentuk, seperti kata nasihat daripada orang yang disayangi atau mentor, faktor material seperti wang ringgit, kepuasan mental, meraih pujian ataupun sebagai satu cabaran.

- Motivasi sangat penting!

Kadang-kadang kita menjadi keliru dengan sumber motivasi yang ada, sama ada membawa sesuatu yang baik pada diri kita atau tidak. Ujian berikutnya akan menolong anda menilai motivasi peribadi yang anda miliki dan hal ini bertujuan untuk mencorakkan kerjaya dan hala tuju anda. Ujian ini dapat memberikan panduan kepada anda tentang kerjaya yang lebih sesuai untuk anda ikuti berdasarkan minat anda.

Ujian ini akan mengemukakan soalan tentang pekerjaan yang mungkin anda minati atau langsung tidak anda minat. Ada juga pekerjaan yang tidak pernah anda fikirkan tentangnya, tetapi jika diberikan peluang, anda mungkin akan mempertimbangkannya.

Satu perkara yang harus anda ingat apabila anda menjawab soalan-soalan tersebut ialah anda harus bertanya kepada diri anda sama ada anda sesuai atau tidak dengan aktiviti atau tugas yang berkaitan dengan kerjaya yang anda pilih.

Perkara penting yang harus diingat semasa menjawab soalan ini adalah:

1. Mesti berfikiran terbuka.
2. Jangan fikirkan tentang pulangan atau status sesuatu pekerjaan itu, tetapi fikirkan tentang latar belakang pekerjaan tersebut dan tanggungjawabnya.

Untuk setiap soalan anda mesti berikan 3 markah.

Contoh 1:

Penterjemah

3

Tukang kebun

0

Anda berikan 3 markah untuk penterjemah kerana anda rasa anda lebih suka menjadi penterjemah daripada seorang tukang kebun.

Contoh 2:

Pengurus hotel

1


Guru matematik

2

Anda tidak berapa pasti sama ada pengurus hotel atau guru matematik lebih menarik bagi anda. Anda merasakan bahawa bekerja sebagai pengurus hotel lebih baik, dan pada masa yang sama menganggap kerja sebagai guru matematik juga tidak kurang menariknya. Jadi anda memilih untuk memberikan markah sedemikian.


Seperti ujian yang sebelum ini, jangan hiraukan huruf yang terdapat di atas soalan.

UJIAN MOTIVASI




M K S E P F T

- | | M | K | S | E | P | F | T |
|---------------------------------|---|---|---|---|---|---|---|
| 10. (a) Pemandu traktor | | | | | | ○ | |
| (b) Jurulelong | | | | ○ | | | |
| 11. (a) Guru pendidikan khas | | | ○ | | | | |
| (b) Pengukir | | | | | | ○ | |
| 12. (a) Penganalisis perniagaan | | | | | | | ○ |
| (b) Doktor haiwan | | | | | ○ | | |
| 13. (a) Ahli kimia | | | | | ○ | | |
| (b) Ahli statistik | | | | | | | ○ |
| 14. (a) Ahli kelab belia | | | ○ | | | | |
| (b) Perunding kesatuan pekerja | | | | ○ | | | |
| 15. (a) Pakar pemakanan | | | | | ○ | | |
| (b) Ahli politik | | | | ○ | | | |
| 16. (a) Arkitek | | ○ | | | | | |
| (b) Pendakwah | | | | ○ | | | |
| 17. (a) Ejen hartanah | | | | ○ | | | |
| (b) Ketua rukun tetangga | | | ○ | | | | |
| 18. (a) Pekerja sosial | | | ○ | | | | |
| (b) Editor | ○ | | | | | | |



M K S E P F T

-
- | | M | K | S | E | P | F | T |
|-----------------------------|---|---|---|---|---|---|---|
| 28. (a) Jurulatih sukan | | | ○ | | | | |
| (b) Pereka fesyen | | ○ | | | | | |
| 29. (a) Penulis skrip drama | ○ | | | | | | |
| (b) Ahli psikologi | | | | | ○ | | |
| 30. (a) Pegawai hutan | | | | | | ○ | |
| (b) Ahli kaji logam | | | | | ○ | | |
| 31. (a) Pembuat mainan | | | | | | ○ | |
| (b) Pereka landskap | | ○ | | | | | |
| 32. (a) Pereka grafik | | ○ | | | | | |
| (b) Pegawai perubatan | | | ○ | | | | |
| 33. (a) Jurutera mekanikal | | | | | | ○ | |
| (b) Pengkritik buku | ○ | | | | | | |
| 34. (a) Bakterialogis | | | | | ○ | | |
| (b) Pemuzik | | ○ | | | | | |
| 35. (a) Pengarang | ○ | | | | | | |
| (b) Pereka pentas | | ○ | | | | | |
| 36. (a) Ilustrator | | ○ | | | | | |
| (b) Model | | | | ○ | | | |



Jawapan

Kira berapa jumlah markah yang anda beri untuk setiap kategori dan tulis di dalam kotak di bawah.

M	K	S	E	P	F	T

Takrifan Jawapan

Perhatikan jumlah markah bagi setiap jawapan anda di dalam kotak yang disediakan. Kesemua markah tersebut melambangkan kecenderungan anda terhadap sesuatu bidang.

Mari kita lihat maksud di sebalik huruf-huruf yang diberikan.

Sekiranya anda mendapat markah tertinggi bagi L, maka deskripsi yang tepat bagi anda ialah anda memang suka akan bidang penulisan dan pembacaan. Jadi, anda mudah untuk menyesuaikan apa-apa yang anda suka dengan kelulusan yang anda ada.

Huruf M - Mengarang

Anda sangat meminati bidang penulisan. Anda minat membaca buku dan juga berkebolehan untuk mengarang dengan baik. Anda banyak mempunyai idea, pandai bermain dengan perkataan dan mampu mengarang sesuatu artikel atau surat secara spontan.

Kemungkinan subjek kesukaan anda adalah berkaitan dengan bahasa atau sejarah. Anda juga selalu mendapat markah yang tinggi dalam ujian yang melibatkan soalan esei.

Pekerjaan yang sesuai untuk anda ialah pensyarah atau guru. Anda juga boleh menjadi seorang penulis atau editor yang baik. Selain itu, pekerjaan lain seperti pelakon, wartawan, pustakawan dan penterjemah mungkin sesuai dengan minat anda.

Kumpulan M

Pekerjaan:

- Pensyarah
- Guru
- Penulis
- Editor
- Pelakon
- Wartawan
- Pustakawan
- Penterjemah

Huruf K - Kreatif

Anda seorang yang kreatif dan akan berasa puas sekiranya anda dapat meluahkan perasaan anda melalui seni tidak kira sama ada dari segi muzik ataupun lukisan. Anda suka akan kecantikan dan amat menghargai hasil seni.

Ramai orang tertarik dalam bidang ini, tetapi tidak semua yang mampu untuk mendapat pulangan yang baik untuk kerjaya seperti ini. Kecantikan itu adalah subjektif dan apa-apa yang anda rasakan menarik mungkin tidak mempunyai apa-apa kesan pada orang lain.

Adakah anda berbakat? Apa buktinya? Sangat susah untuk menjawab soalan ini. Namun ramai orang

yang menceburi bidang ini telah membuktikan bahawa bidang ini dapat memberikan pulangan yang banyak sekiranya kena pada tempat dan masanya. Bidang professional seperti sektor pembinaan dan fesyen telah membuka peluang yang baik untuk anda.

Sekiranya anda seorang yang kreatif, kerjaya yang mungkin menarik minat anda ialah arkitek, artis, penari, pereka fesyen, pengukir, juru solek, pemuzik, atau pereka barang kemas.

Kumpulan K

Pekerjaan:

- Arkitek
- Artis
- Penari
- Pereka fesyen
- Pengukir
- Juru solek
- Pemuzik
- Pereka

Huruf S - Sosial

Anda seorang yang prihatin, penyayang dan mempunyai kemahuan untuk menolong orang lain. Anda berasa puas hati sekiranya anda dapat melihat keadaan orang yang anda tolong menjadi lebih baik dan boleh berdikari.

Sekiranya anda mahu menceburi bidang ini, anda seharusnya mempunyai perwatakan penyayang, lembut dan pada masa yang sama bersemangat kental. Jiwa anda sensitif, tetapi tidak mudah menunjukkan perasaan sedih anda kepada orang di sekeliling anda.

Kumpulan S

Pekerjaan:

- Doktor
- Jururawat
- Guru
- Psikologis
- Ahli terapi

Ada banyak kerjaya yang melibatkan kerja sosial seperti dalam pendidikan, latihan, perubatan dan kebajikan seperti doktor, jururawat, guru, ahli psikologi dan ahli terapi.

Huruf E - Eksekutif

Anda seorang yang agresif, bermatlamat dan mampu memikul tanggungjawab untuk menguruskan orang lain atau menyelesaikan sesuatu tugas. Anda seorang yang bercita-cita tinggi dan sanggup menghadapi pelbagai cabaran demi mencapai keinginan anda.

Lazimnya, individu yang bersifat sebegini mempunyai tahap akademik yang tinggi dan seorang yang sistematik. Anda tidak suka menunggu rezeki datang bergolek, tetapi anda berusaha untuk mendapatkan sesuatu. Anda mempunyai motivasi dalaman yang kuat dan tidak memerlukan sokongan daripada orang lain.

Anda mempunyai semangat untuk berjaya dan apa-apa yang anda lakukan pasti membuahkan hasil. Jika anda salah seorang yang memiliki sifat ini, kerjaya yang sesuai untuk anda adalah dalam bidang penyelidikan, perniagaan dan pemasaran.

Kumpulan E

Pekerjaan:

- Perniagaan
- Pegawai penyelidik
- Eksekutif pemasaran

Huruf P - Penyelidikan

Anda seorang yang dahagakan ilmu pengetahuan dan sanggup menghabiskan banyak masa untuk tujuan penyelidikan. Bidang yang lazimnya menjadi minat anda ialah akademik dan professional. Anda tidak suka berteka-teki kerana anda hanya mahukan sesuatu yang pasti.

Di sekolah, anda meminati subjek sains dan matematik. Anda suka soalan-soalan tentang menyelesaikan masalah dan mampu membuat satu rumusan berdasarkan maklumat yang diperoleh.

Anda mempunyai minat yang mendalam terhadap penyelidikan. Oleh itu, anda harus mempunyai tahap kesabaran dan disiplin yang tinggi untuk menceburi bidang ini. Namun, tidak semua orang mempunyai tahap kesabaran dan disiplin yang tinggi.

Pekerjaan yang sesuai untuk anda ialah saintis, ahli fizik, pakar bedah dan ahli forensik.

Kumpulan P

Pekerjaan:

- Saintis
- Ahli fizik
- Pakar bedah
- Ahli forensik

Huruf F - Fizikal

Anda suka akan sesuatu kerja yang memerlukan anda sentiasa bergerak. Anda lebih cenderung ke arah sesuatu pekerjaan yang memerlukan penglibatan fizikal seperti membina sesuatu objek. Anda juga mempunyai kebolehan dalam bidang teknikal dan kraf tangan.

Anda juga berminat dengan peralatan, enjin, dan automotif. Kerjaya dalam bidang ini banyak dan peluang untuk anda juga terbuka luas. Walau bagaimanapun, kerjaya dalam bidang ini memerlukan banyak interaksi dengan orang lain.

Kumpulan F

Pekerjaan:

- Mekanik
- Jurutera
- Pereka

Huruf T - Pentadbiran

Kerjaya dalam bidang ini memerlukan anda menguruskan pejabat, perniagaan dan hal-hal berkaitan kewangan dan pentadbiran yang melibatkan organisasi awam atau swasta. Untuk berjaya, anda seharusnya bersikap sistematik dan mampu membuat perancangan yang teratur.

Seseorang pentadbir harus tahu perkara yang berlaku dalam satu-satu organisasi dan mampu memberikan maklumat yang berkaitan dengan perjalanan operasi syarikat kepada sesiapa yang memperlukannya.

Kumpulan T

Pekerjaan:

- Pegawai insurans
- Pegawai/kerani bank
- Peguam
- Setiausaha
- Kerani

Lazimnya, individu dalam bidang ini mempunyai kelayakan akademik yang baik dan agak spesifik seperti insurans, perbankan, guaman dan sebagainya.